

Perpaduan kaum amanat negara, perlu dikekalkan setiap generasi

Noor
Mohamad
Shakil Hameed



MALAYSIA adalah sebuah negara majmuk yang terdiri daripada penduduk pelbagai kaum, keturunan, latar belakang dan agama yang dapat hidup aman dan damai. Perkara ini berbeza jika dibandingkan dengan negara luar yang sering tegang dan dilanda konflik sesama etnik.

Satu perkara yang menarik perhatian khalayak ialah inti pati ucapan dan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ketika berucap pada majlis rumah terbuka

sambutan Hari Wesak 2010 di tokong Buddha Maha Vihara baru-baru ini, yang mana Najib menyertu agar semua lapisan rakyat berganding bahu bersama-sama dengan kerajaan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara contoh dalam konteks toleransi antara agama dan kaum.

Hal ini penting kerana, perang saudara dan pergolakan antara etnik adalah dua insiden sering mencengkam keharmonian banyak negara.

Sebagai rakyat Malaysia, kita wajar bersyukur kerana peristiwa berkenaan tidak berlaku di negara kita. Orang Melayu, Cina, India dan kaum lain dapat hidup aman damai serta boleh bertolak ansur dalam pelbagai aspek kehidupan sehari-hari demi memelihara keharmonian yang terjalin selama ini.

Kemerdekaan negara juga lahir hasil kemauafakan semua kaum utama yang ada pada masa itu yang sanggup mengetepikan pegangan dan hak kaum masing-masing demi mencapai kemerdekaan.

Pemimpin politik tanah air daripada pelbagai kaum sejak zaman sebelum kemerdekaan lagi telah menunjukkan komitmen dan persefahaman yang jitu dan berjuang bersama-sama melahirkan sebuah negara Malaysia majmuk yang aman damai. Walaupun peristiwa 13 Mei 1969 dilihat cuba menggonggong perpaduan kaum yang wujud, ia dapat ditangani dengan baik seterusnya dijadikan sebagai teladan dan panduan yang sangat berguna oleh pemimpin politik, masyarakat dan juga rakyat pelbagai kaum.

Oleh yang demikian, adalah ti-

dak mustahil untuk kita tampil menjadi sebuah negara model terbaik dalam erti kata toleransi antara agama dan kaum seperti yang disarankan oleh Perdana Menteri. Kita memiliki segala ciri, kriteria dan ramuan yang diperlukan untuk mencapai taraf itu. Buktinya cukup jelas, kejayaan kita selama ini adalah hasil perkongsian persefahaman dan kerja keras semua lapisan masyarakat di negara kita. Tiada siapa di dunia ini yang boleh menyanggah mahupun mendakar kecemerlangan kemajmukan dan perpaduan kaum yang kita miliki.

Namun apa yang merisaukan kita adalah, dewasa ini masyarakat dilihat agak leka dan alpa dengan kenikmatan yang sedia ada. Akibatnya pelbagai insiden yang berlaku sejak kebelakangan ini mem-

babitkan isu politik, sosial dan ekonomi dilihat sedikit sebanyak mengganggu gugat jambatan perpaduan yang dibina oleh nenek moyang kita sebelum ini.

Justeru, sebagai rakyat di bumi bertuah ini kita perlu sedar bahawa perpaduan kaum yang ada pada hari ini adalah amanat dan khazanah yang tidak bernilai yang telah diwariskan kepada kita oleh generasi terdahulu yang mengharapkan agar kita dapat menjaga dan memelihara amanat itu sebaik mungkin. Ini menunjukkan bahawa cabaran untuk menjaga dan mempertahankan jambatan perpaduan ini lebih sukar daripada membinanya.

Penulis ialah Penolong Pendaftar Kanan, Pusat Kesihatan Universiti, UPM, Serdang